



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA
MAJLIS PENUTUP KEM AKHIR ATLET DAN
PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN PARA
SUKMA SARAWAK XXI WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

19 SEPTEMBER 2024

**YAYASAN PUSAT BELIA ANTARABANGSA
KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفَ
الْمَرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada malam ini di Majlis Penutupan Kem Akhir dan Penyerahan Bendera Kontinjen Para SUKMA Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2. Malam ini merupakan detik yang penting bagi saudara saudari semua, atlet Wilayah Persekutuan yang bakal bersaing di temasya Para SUKMA ke-21 Sarawak 2024 yang akan mula berlangsung dalam beberapa hari sahaja lagi. [Dah bersedia ke semua? Alhamdulillah]

-
-
3. Saya percaya semua atlet yang ada di hadapan saya ini sudah pun bersedia untuk mengharumkan nama kontinjen kita.
4. Komitmen dan penglibatan semua pada malam ini mencerminkan kesungguhan kontinjen Wilayah Persekutuan untuk mencipta sejarah dengan pencapaian yang membanggakan di Sarawak nanti. Selamat berjuang buat semua!

5. Saya juga ingin merakamkan ucapan selamat bertugas kepada Encik Sabran Abd Bahar, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan yang baharu merangkap *Chief De Mission* kita serta para jurulatih dan pegawai yang terlibat. Saya yakin semua persiapan buat atlet kita berjalan dengan lancar dan teratur.

Nota Tambahan:

CDM Para SUKMA adalah orang Sabah. CDM SUKMA adalah orang Sarawak (Dato' Parang Abai @ Thomas)

KEPENTINGAN SUKAN SEBAGAI PLATFORM PEMBANGUNAN INKLUSIF

Saudara saudari sekalian,

6. Para SUKMA ini merupakan antara kejohanan yang menjadi platform untuk mengetengahkan bakat-bakat baharu dalam kalangan atlet Orang Kurang Upaya atau OKU. Melalui penyertaan ini, kita bukan sahaja mendidik masyarakat tentang inklusiviti, malah juga memperkuuhkan sokongan terhadap golongan OKU dalam sektor sukan.

7. Kebetulan pula, Kejohanan Para SUKMA ini diadakan selepas selesai Temasya Paralimpik Paris 2024 yang baru sahaja melabuhkan tirainya minggu lalu. Mudah-mudahan, ini sedikit sebanyak dapat memberi inspirasi kepada saudara saudari untuk mengikut jejak langkah para atlet paralimpik yang berjaya mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

8. Saudara Cheah Liek Hou, anak kelahiran Kuala Lumpur telah mencipta sejarah dengan memenangi emas pertama Malaysia dalam sukan para badminton di Paralimpik Paris 2024.

9. Kejayaan Cheah Liek Hou ini membuktikan bahawa tiada perkara yang mustahil, yang penting tekad dan usaha yang bersungguh-sungguh.

10. Kejayaan beliau seharusnya menjadi pembakar semangat kepada semua atlet di hadapan saya ini. Jika beliau boleh melakukannya, begitu juga anda. Saya yakin anda semua juga mampu membawa pulang kejayaan untuk kontinjen Wilayah Persekutuan.

11. Insya-Allah, untuk Paralimpik Los Angeles pada 2028 nanti, saya mahu melihat lebih ramai lagi bintang Wilayah Persekutuan dihasilkan daripada Kejohanan Para SUKMA pada kali ini.

PENYERTAAN DAN HARAPAN ATLET

Para hadirin sekalian,

12. Saya difahamkan pada kali ini seramai 61 orang atlet akan bertanding dalam 9 acara sukan. Walaupun 70% daripada saudara saudari adalah atlet baru, namun saya percaya dengan bimbingan jurulatih dan dedikasi yang telah diberikan, saudara saudari mampu melakukan yang terbaik.

Nota Tambahan (9 acara sukan):

Para Boccia, Para Badminton, Para Lawn Bowls, Para Catur, Para Olahraga, Para Ping Pong, Para Renang, Para Tenpin Boling dan Para Memanah

13. Pada Kejohanan Para SUKMA 2 tahun yang lalu, kontinen Wilayah Persekutuan telah menduduki tempat ke-11 dengan pungutan pingat sebanyak 51 pingat, iaitu 9 pingat emas, 16 pingat perak dan 26 pingat gangsa.

14. Pada kejohanan kali ini, CDM maklum kepada saya, sasaran pungutan pingat adalah sebanyak 40 pingat, iaitu 10 pingat emas, 15 pingat perak dan 15 pingat gangsa. Saya yakin dengan usaha dan semangat saudari saudari semua, kita mampu mencapai lebih daripada apa yang disasarkan ini.
[Boleh atau tidak?]

15. Dengan persiapan yang rapi, saya yakin kontinen kita ini akan memberikan persaingan sengit di Sarawak nanti. Namun, kejayaan tidak harus kita ukur semata-mata melalui jumlah pingat sahaja. Semangat berpasukan yang terjalin adalah juga suatu kejayaan maka teruslah berusaha untuk memperbaiki prestasi masing-masing.

16. Perlu diingatkan kepada semua bahawa saudari saudari bukan hanya membawa impian peribadi, tetapi juga impian seluruh rakyat Wilayah Persekutuan. Insya-Allah, saudara saudari pasti boleh malakukannya.

MEMPERKUKUHKAN PELUANG DAN SOKONGAN KEPADA ATLET OKU

Para hadirin sekalian,

17. Seperti yang saya sebutkan tadi, sukan bukan sekadar platform untuk bersaing dan memenangi pingat, malah ia juga merupakan medium penting dalam membentuk masyarakat yang lebih inklusif. Kejayaan atlet-atlet OKU kita bukan sahaja menjadi inspirasi, tetapi juga turut membuktikan bahawa tiada had untuk mencapai kejayaan. Sokongan padu dari masyarakat dan kerajaan adalah kunci untuk membuka lebih banyak peluang kepada mereka.

18. Pihak Kerajaan MADANI akan terus memberikan sokongan yang berterusan kepada atlet-atlet OKU kita, bukan sahaja semasa mereka bertanding dalam mana-mana kejohanan, tetapi juga selepas tamatnya kejohanan tersebut.

PEMBANGUNAN FASILITI SUKAN

Para hadirin sekalian,

19. Insya-Allah, jika tiada aral kita berhasrat untuk membina Kompleks Kecemerlangan Sukan Wilayah Persekutuan di Putrajaya. Cadangan kerjasama di antara Perbadanan Putrajaya dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan sedang giat dijalankan dan tanah untuk pembinaan juga sedang diusahakan.

20. Ini adalah salah satu usaha untuk mencapai visi kita, iaitu untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai Bandar CHASE, iaitu Clean City, Healthy City, Advanced City, Safe City dan Eco-friendly City, di mana salah satu komponennya adalah Healthy City.
21. Ini juga selaras dengan agenda Malaysia MADANI yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mementingkan pengukuhan integrasi sosial dan pembangunan yang inklusif termasuk dalam aspek pembangunan bakat sukan.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

22. Berbekalkan semangat juang yang ada dalam diri saudara saudari semua, saya yakin kejayaan akan mengiringi kontinjen Wilayah Persekutuan sepanjang Para SUKMA pada kali ini. Saudara saudari semua adalah duta sukan yang bakal mengharumkan nama Wilayah Persekutuan.

23. Insya-Allah, Jabatan Wilayah Persekutuan telah bersetuju untuk memberikan insentif kepada para atlet yang memenangi pingat emas, perak dan gangsa. Kepada para jurulatih pula, insya-Allah kita juga akan menyediakan insentif kepada jurulatih yang dapat membawa atlet menggenggam emas.
24. Selamat Maju Jaya kepada semua atlet dan selamat bertugas buat semua jurulatih dan pegawai. Insya-Allah, emas milik kita.

25. Dengan lafaz mulia
Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan
sukacitanya merasmikan penutupan
Kem Akhir dan Majlis Penyerahan
Benderan Kontinjen Para SUKAN
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah
wassalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.